

# Satu bahagian tembok Terusan Siglap dijangka dipasang jubin biodiversiti

Pemasangan bertujuan sokong hidupan laut: PUB

SATU bahagian Terusan Siglap tidak lama lagi boleh menjadi lebih kondusif bagi kehidupan laut apabila saintis daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) memasang jubin biodiversiti khas pada temboknya.

Ini adalah kali pertama agensi air negara PUB akan memasang jubin itu di dalam terusan sebagai sebahagian daripada kerja menaik taraf untuk meningkatkan daya tahan banjir terusan untuk menampung peningkatan 60 peratus dalam intensiti hujan, kata Encik Yeo Keng Soon, pengarah jabatan tadahan dan saluran air PUB.

Beliau menambah bahawa memandangkan terusan itu menghala ke laut, yang menyokong kehidupan laut, terdapat peluang PUB menyokong Makmal Ekologi Marin Eksperimen NUS dalam menggabungkan jubin biodiversiti dalam reka bentuk projek, sambil memastikan fungsi utama terusan itu tidak terjejas.

Sebagai sebahagian percubaan projek itu, makmal tersebut akan menilai keberkesanan jubin, yang meniru ciri habitat semula jadi dan boleh berfungsi se-

bagai rumah bagi organisme marin, kata Encik Yeo.

Jalan sepanjang 420 meter dari Marine Parade ke East Coast Park Service Road, yang bergantung pada pengaruh air pasang, juga akan diperdalam dan dilebarkan, tambahna.

Profesor Madya Peter Todd daripada makmal itu berkata pasukannya menumpukan pada bahagian pasang surut terusan di mana spesies muara, seperti rumput laut, krustasia dan ikan, boleh ditemui.

“Setengah spesies ini mendapat manfaat daripada penambahan habitat yang rumit seperti lubang dan alur yang menyediakan ruang lembap, sejuk dan perlindungan daripada pemangsa,” tambahna.

Satu aspek reka bentuk jubin ialah ia berprofil rendah dan bulat, jadi tidak menjejaskan aliran air terusan, kata Profesor Todd.

Menurut laporan *The Straits Times* (ST), difahamkan bahawa projek itu akan dimulakan tahun depan dan dijadualkan siap menjelang 2026.



**TERUSAN SIGLAP:** Makmal Ekologi Marin Eksperimen NUS akan memberi tumpuan kepada bahagian pasang surut Terusan Siglap di mana spesies muara, seperti rumput laut, krustasia dan ikan, boleh ditemui. – Foto BH oleh DESMOND FO

**JUBIN BIODIVERSITI:** (Gambar bawah) Lakaran artis mengenai jubin biodiversiti yang akan dipasang di Terusan Siglap. Jubin ini berbentuk bulat dan tidak akan menjejaskan aliran air terusan itu. – Foto EXPERIMENTAL MARINE ECOLOGY LAB

Kira-kira 50 jubin akan dipasang.

Encik Yeo menyatakan jubin sedemikian telah dilancarkan di beberapa bahagian pantai Singapura, termasuk Sentosa dan Changi Bay.

“Mereka bentuk dengan alam semula jadi juga merupakan pertimbangan utama bagi PUB apabila membangunkan penyelesaian perlindungan pantai yang boleh membantu mengekalkan atau meningkatkan biodiversiti,” tambahna.

Profesor Todd sebelum ini memberitahu ST bahawa jubin itu boleh menyokong antara 20 dengan 25 spesies berbanding tembok laut granit tradisional, yang mempunyai kira-kira 10 spesies.

Organisme ini termasuk alga, bivalvia, siput laut dan beberapa krustasea.

Encik Yeo berkata selain daripada kerja menaik taraf saliran, PUB juga akan mewujudkan ruang biru-hijau berbilang fungsi di sekitar Terusan Siglap.

Ini dilakukan dengan membina dek kesihatan, tempat perlindungan dan sudut kecergasan untuk meningkatkan pengalaman pengguna di sepanjang Rangkaian Penyambung Taman Siglap.

